

D973

R B996 BAH
MAHATHIR - SELANGOR

KUALA LUMPUR, 30 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA TIDAK ADA SEBARANG MASALAH TIMBUL DALAM PERLANTIKAN ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS KERAJAAN NEGERI SELANGOR.

KATANYA, BELIAU MENGHADAP SULTAN SELANGOR PETANG TADI DAN MEMBINCANGKAN SOAL PEMBENTUKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU JUGA TELAH MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN WAKIL-WAKIL RAKYAT DAN BERSETUJU MELANTIK SEMULA TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB SEBAGAI MENTERI BESAR.

UPACARA MENGANGKAT SUMPAH ANGGOTA-ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI AKAN DIADAKAN SABTU INI, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MAJLIS JAMUAN MALAM SEMPENA ULANGTAHUN KE-15 SAPURA HOLDINGS SDN BHD, DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

PADA MAJLIS ITU DATUK SERI DR MAHATHIR MENYAMPAIKAN SIJIL ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG KEPADA 16 KAKITANGAN SAPURA HOLDINGS MANAKALA ISTERI Pengerusi Eksekutif Sapura Holdings, Puan Sri Sapura Husin, Menyampaikan cek bernilai \$50,000 untuk badan amal dan kebajikan isteri-isteri menteri dan timbalan menteri (Bakti) kepada isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

SAPURA HOLDING JUGA MENYUMBANG \$50,000 KEPADA MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT SEBAGAI DERMA KUTIPAN TELETHON BAGI MEMBANTU PARA PESAKIT JANTUNG DANBUAH PINGGANG, YANG DIADAKAN BARU-BARU INI.

-- BERNAMA
0020MST 31 10 90